

NAMA CALON

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

SMK _____

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

SET 2

PRINSIP PERAKAUNAN**3756/2****Kertas 2****Nov 2021****2½ jam****Dua jam tiga puluh minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 24 halaman bercetak

BAHAGIAN A
(60 markah)
Jawab semua soalan

1. (a) Nyatakan andaian, prinsip dan Batasan yang diamalkan dalam Perniagaan Burger JHR di bawah ini :

Urus Niaga	Andaian, Prinsip & Batasan
Perniagaan Burger JHR mempunyai pilihan sama ada untuk membuka satu lagi cawangan yang baru atau membuat pengubahsuaian kiosk sedia ada	
Perniagaan Burger JHR telah menetapkan untuk merekodkan semua susut nilai aset bukan semasa perniagaan menggunakan kaedah baki berkurangan	

[2 markah]

- (b) Nyatakan kesan urus niaga berikut ke atas Aset, Liabiliti dan Ekuiti.

Urus Niaga	Aset	Liabiliti	Ekuiti
Membeli barang niaga bernilai RM2300 secara kredit daripada Pembekal Moon			
Mengambil barang niaga bernilai RM500 untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim.			

[2 markah]

- (c) Lengkapkan jadual dibawah :

Aspek	Milikan Tunggal	Perkongsian
Keuntungan		

[2 markah]

- (d) Maklumat diambil daripada Kelab Badminton Jejak-Jejaka Bandar Kulai pada 31 Disember 2020.

Buku Tunai (2021)	
Yuran Tahun 2019	150
Yuran Tahun 2020	2050
Yuran Tahun 2021	100

Maklumat tambahan :

1 Januari 2020, Yuran belum terima bagi tahun 2019 ialah RM150
31 Disember 2020, Yuran belum terima bagi tahun 2020 adalah RM300,

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran bagi tahun 2020.

[2 markah]

- (e) Berikut merupakan maklumat daripada Perniagaan Perkongsian Raziq.

Nisbah Semasa 2 : 1

- (i) Nyatakan rumus nisbah tersebut
(ii) Nyatakan tafsiran nisbah tersebut

[2 markah]

2. Encik Yusuf seorang peruncit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Namun begitu, Encik Yusof telah memberikan maklumat perniagaannya kepada anda bagi tempoh berakhir 30 Jun 2020.

Berikut adalah maklumat yang diperolehi pada 1 Julai 2019 dan 30 Jun 2020.

	RM 1 Julai 2019	RM 30 Jun 2020
Premis	100 000	100 000
Alatan Pejabat	3 000	4 122
Bank	43 000	?
Inventori	2 400	10 840
Akaun belum terima	17 520	15 780
Akaun belum bayar	18 860	17 760
Gaji belum bayar	1 040	-

Ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 adalah seperti berikut :

Buku Tunai			
Jualan	15 400	Akaun Belum bayar	15 000
Akaun Belum Terima	16 000	Belian	17 800
Komisen diterima	1 140	Alatan pejabat	1 580
Faedah bank	1 720	Sewa	2 900
		Belanja am	1 800
		Insurans	1 740
		Gaji	5 000

Maklumat tambahan :

- (i) Pemilik mengambil barang perniagaan RM80 setiap bulan untuk kegunaan keluarga
- (ii) Pada 1 Mac 2020, perabot bernilai RM1320 dibawa masuk dari rumah untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini terlupa direkodkan.
- (iii) Pulangan keluar RM360 dan pulangan masuk RM240.
- (iv) Sejumlah RM200 dari belanja am adalah untuk bulan Julai 2020.
- (v) Seorang akaun belum terima diisytiharkan muflis. Baki hutangnya RM640 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima.
- (vii) Susut nilai atas perabot ditetapkan pada kadar 10 % setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [3 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 [13 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020 [7 markah]

3. Encik Norman mengendalikan Kedai Buku Mastermind di Senai, Johor. Berikut ialah baki-baki yang diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Mei 2021. Setiap akhir bulan kerani akaun akan menerima wang yang digunakan untuk perbelanjaan runcit.

	RM
Tunai di tangan	2 500
Tunai di bank	15 500
Alatan pejabat	4 600
Akaun Belum Bayar: Pembekal Buku Era Visi	5 000

Dokumen yang berikut diperolehi daripada perniagaan beliau sepanjang bulan Mei 2021:

Tarikh	<u>1 Mei 2021</u>	
Penerima	<u>Kerani Akaun</u>	
Tujuan	<u>Tunai Runcit</u>	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	15 500	00
Dimasukkan		
Jumlah	15 500	00
Cek ini	300	00
Baki	15 200	00
No: BMB 421142		

DOKUMEN 1

MEGATECH ENTERPRISE	RESIT RASMI
No 11 Jalan Impian Senai 1, Taman Impian	No: 522
Senai,	Asal
81400 Senai, Johor.	Tarikh: 5 Mei 2021
Diterima daripada	: <u>Kedai Buku Mastermind</u>
Ringgit Malaysia	: <u>Tiga ribu empat ratus sahaja</u>
Untuk bayaran	: <u>Komputer riba</u>
RM3 400.00	
Tunai / Cek: BMB 421143	

DOKUMEN 2

KEDAI BUKU MASTERMIND		BIL TUNAI	
No 55 Jalan Senai Utama ½, Taman Senai Utama, 81400 Senai, Johor.		No: 311 Salinan	
		Tarikh: 9 Mei 2021	
Kepada:			
KEDAI BUKU CERDIK			
87 Jalan Perak 1, Taman Bersatu, 81000 Kulai, Johor.			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Buku Kertas Model SPM Matematik	55	12.00	660.00
Buku Gerak Gempur SPM Sains	65	15.00	975.00
Buku Nota Sejarah Tingkatan 5	45	13.00	585.00
			2 220.00
		Tolak diskaun niaga 5%	111.00
		Jumlah	2 109.00
(Ringgit Malaysia: Dua ribu satu ratus sembilan sahaja)			
Tunai / Cek: 989876			
			<i>Norman</i> (Pengurus)

DOKUMEN 3

PASARAYA MIDIN		SLIP DAFTAR TUNAI	
No 6/2 Jalan Segar, Taman Mewah, 81000 Kulai, Johor.		Tarikh: 11 Mei 2021	
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Pewangi gel Glade	1	10.00	10.00
Pewangi elektrik Glade	1	50.00	50.00
Pewangi semburan Glade	1	10.00	10.00
		Jumlah	70.00
		Tunai	100.00
		Baki	30.00
<i>Terima Kasih</i>			

DOKUMEN 4

PEMBEKAL BUKU ERA VISI		RESIT RASMI
No 21, Jalan Kenanga 29/3, Bandar Indahpura, 81000 Kulai, Johor.		No: 233 Asal
		Tarikh: 13 Mei 2021
Diterima daripada	: Kedai Buku Mastermind	
Ringgit Malaysia	: <u>Empat ribu tiga ratus sahaja</u> (Diskaun tunai RM100)	
Untuk bayaran	: <u>Menjelaskan hutang pada 6 Mei 2021</u>	
RM4 300.00		
Tunai / Cek: BMB 421144		

DOKUMEN 5

KEDAI MAKAN LAZAT		SLIP DAFTAR TUNAI	
No 4/1 Jalan Aman, Taman Aman, 81400 Senai, Johor.		Tarikh: 15 Mei 2021	
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Nasi lemak ayam	3	5.00	15.00
Kuih karipap	6	0.50	3.00
Air kopi	3	2.00	6.00
Jumlah			24.00
Tunai			25.00
Baki			1.00
<i>Terima Kasih</i>			

DOKUMEN 6

KEDAI BUKU MASTERMIND	MEMO
No 55 Jalan Senai Utama ½, Taman Senai Utama, 81400 Senai, Johor.	Tarikh: 16 Mei 2021
PERHATIAN: Pemilik telah mengambil wang tunai sebanyak RM350.00 untuk menjelaskan bil elektrik kediaman.	

DOKUMEN 7

KEDAI BUKU MASTERMIND	BAUCAR TUNAI RUNCIT	
No 55 Jalan Senai Utama ½, Taman Senai Utama, 81400 Senai, Johor.	Tarikh: 19 Mei 2021	
BIL	BUTIR	JUMLAH (RM)
1	Bungkusan	25.00
2	Setem (RM1 x 5 keping)	5.00
	Jumlah	30.00
(Ringgit Malaysia: Tiga puluh sahaja) Tunai / Cek:		
<i>Norman</i> (Pengurus)		

DOKUMEN 8

SYARIKAT PERCETAKAN LG SDN	RESIT RASMI
BHD	No: 233
No 67, Lebu Bandar Utama, Bandar Putra, 81000 Kulai, Johor.	Asal
	Tarikh: 20 Mei 2021
Diterima daripada : <u>Kedai Buku Mastermind</u>	
Ringgit Malaysia : <u>Lima ratus dua puluh sahaja</u>	
Untuk bayaran : <u>Tempahan kain rentang</u>	
RM520.00	
Tunai / Cek: BMB 421145	

DOKUMEN 9

KEDAI BUKU MASTERMIND	BAUCAR TUNAI RUNCIT									
No 55 Jalan Senai Utama ½, Taman Senai Utama, 81400 Senai, Johor.	Tarikh: 21 Mei 2021									
<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>BUTIR</th> <th>JUMLAH (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Tuntutan perjalanan Grab ke lapangan terbang Senai</td> <td>55.00</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Jumlah</td> <td>55.00</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	BUTIR	JUMLAH (RM)	1	Tuntutan perjalanan Grab ke lapangan terbang Senai	55.00		Jumlah	55.00	
BIL	BUTIR	JUMLAH (RM)								
1	Tuntutan perjalanan Grab ke lapangan terbang Senai	55.00								
	Jumlah	55.00								
(Ringgit Malaysia: Lima puluh lima sahaja)										
Tunai / Cek:										
	<i>Norman</i> (Pengurus)									

DOKUMEN 10

KEDAI BUKU MASTERMIND	BAUCAR TUNAI RUNCIT	
No 55 Jalan Senai Utama ½, Taman Senai Utama, 81400 Senai, Johor.	Tarikh: 22 Mei 2021	
BIL	BUTIR	JUMLAH (RM)
1	Surat berdaftar	25.00
	Jumlah	25.00

(Ringgit Malaysia: Dua puluh lima sahaja)
Tunai / Cek:

Norman
(Pengurus)

DOKUMEN 11

BANK HEBAT (M) BERHAD	SALINAN		
No 19 Jalan Seni, Kampung Baru Senai, 81400 Senai, Johor. 07-7543216	Tarikh: 28 Mei 2021		
SIMPANAN			
CEK-CEK CAWANGAN INI	WANG TUNAI	RM	SEN
CEK-CEK CAWANGAN TEMPATAN	RINGGIT MALAYSIA: SATU RIBU TIGA RATUS SAHAJA		
CEK-CEK BANK TEMPATAN	RINGGIT	NO CEK	TEMPAT
CEK-CEK TEMPAT LAIN	JUMLAH		
	TUNAI		
	BANK		
	JUMLAH	1 300	00

Nama : Kedai Buku Mastermind

No Akaun : 112234511221

**Untuk Kegunaan Pejabat
Diluluskan Oleh:**

DOKUMEN 12

<p>BANK HEBAT (M) BERHAD No 19 Jalan Seni, Kampung Baru Senai, 81400 Senai, Johor.</p> <p>Kepada:</p> <p>KEDAI BUKU MASTERMIND (Nombor Akaun: 112234511221) No 55 Jalan Senai Utama ½, Taman Senai Utama, 81400 Senai, Johor.</p> <p>Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:</p>	<p style="text-align: center;">MAKLUMAN KREDIT</p> <p style="text-align: right;">Tarikh: 31 Mei 2021</p>
--	---

BUTIR	JUMLAH (RM)
Dividen – Syarikat Cepat Kaya Berhad	780.00

(Ringgit Malaysia: Tujuh ratus lapan puluh sahaja)

Syazwan
(Pengurus)

DOKUMEN 13

Berdasarkan dokumen-dokumen perniagaan yang diberi, anda dikehendaki **menyediakan**:

- | | | |
|--------------|--|---------------|
| (i) | Buku Tunai | [7 markah] |
| (ii) | Buku Tunai Runcit (lajur pos, tambang dan belanja pejabat) | [8 markah] |
| (iii) | Lejar | [10 markah] |

BAHAGIAN B**(40 markah)***Jawab dua soalan sahaja*

4. Xin Yi dan Yu En ialah pekongsi dalam Perkongsian Yuyi yang menjual permainan kanak kanak.

Ikatan Perkongsian menyatakan:

- i. Untung dan Rugi diagihkan mengikut nisbah modal
- ii. Gaji bulanan Xin Yi RM700 dan Yu En RM500
- iii. Faedah atas pinjaman adalah sama mengikut Akta Perkongsian 1961.
- iv. Faedah atas modal ialah 3% setahun.
- v. Semua ambilan dikenakan faedah 10% setahun
- vi. Bonus setahun Xin Yi RM4000 dan Yu En RM2000

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Perkongsian Yuyi pada 31 Ogos 2021.

	RM	RM
Inventori 1 September 2020	11 000	
Modal 1 September:		
Xin Yi		600 000
Yu En		400 000
Akaun Semasa 1 September 2020:		
Xin Yi	41 400	
Yu En		20 200
Ambilan :		
Xin Yi - 1 Disember 2020	3 200	
Yu En - 1 Mac 2020	4 000	
Yu En - 1 Jun 2020	4 800	
Pinjaman daripada Xin Yi		55 000
Premis	800 000	
Kenderaan (Kos)	129 600	
Mesin	54 100	
Bank	38 000	
Tunai	11 000	
Gaji :		
Xin Yi	4 500	
Yu En	2 500	
Bonus :		
Xin Yi	2 500	
Yu En	800	
Untung Bersih		72 000
Akaun Belum Terima	72 000	
Akaun Belum Bayar		32 200
	1 179 400	1 179 400

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Ogos 2021 dinilai pada RM5000
- (ii) Komisen belum terima RM450
- (iii) Gaji pekerja belum bayar RM520
- (iv) Hutang lapuk terpulih RM870
- (v) Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar RM3400
- (vi) Kenderaan disusut dinilai pada kadar 10% mengikut kaedah garis lurus
- (vii) Peruntukan Hutang Ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima

Anda dikendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pelarasan Untung Bersih [5 markah]
- (b) Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021 [7 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) [8 markah]

5 (a) Pn Alysia memulakan Perniagaan Fast Food Ann pada 1 Mac 2021 dengan modal tunai sebanyak RM50 000. Maklumat perancangan yang diperolehi daripada beliau untuk tempoh 3 bulan berakhir 31 Mei 2021 adalah seperti berikut :

- (i) Pada awal Mac, Pn Alysia membeli Lengkapan sebanyak RM14 000 secara tunai
- (ii) Hasil Jualan bagi 3 bulan :

Bulan	Jualan Tunai	Jualan Kredit
Mac	RM40 000	
April	RM44 000	
Mei	RM56 000	RM22 000

- (iii) Belian bahan mentah untuk 2 bulan pertama RM20 000 setiap bulan, manakala pada bulan Mei bertambah sebanyak RM8 000
- (iv) Sewa premis RM1 800 setiap bulan
- (v) 5 orang pekerja diambil pada peringkat awal dan dijangka akan bertambah 2 orang lagi pada bulan Mei. Gaji bulanan seorang pekerja ialah RM1 000
- (vi) Belanja am RM450 setiap bulan manakala pada bulan Mei bertambah sebanyak RM150 daripada bulan sebelumnya.
- (vii) Tempoh kredit diberikan kepada Akaun Belum terima sebulan dari tarikh urusaniaga

Anda dikehendaki menyediakan :

Belanjawan Tunai Perniagaan Fast Food Ann bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2021.

[14 markah]

5 (b) Perniagaan Angel berhad telah mengesan kesilapan yang berikut:

- (i) Pulangan Belian oleh LZ Bhd RM 120 telah dikreditkan dalam akaun LZ Bhd dan didebitkan dalam akaun Pulang Belian.
- (ii) Ambilan inventori RM550 untuk tujuan promosi belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iii) Sewa diterima dengan tunai RM 520 tersilap rekod sebagai RM 250 dalam kedua-dua akaun.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut dalam jurnal am (keterangan tidak diperlukan)

[6 markah]

6 (a) Syarikat Grace Berhad telah membuat keputusan untuk mengeluarkan barang makanan.

Kos yang dijangkakan adalah seperti berikut :

	RM
Susut Nilai Mesin dan alatan	200 000
Sewa bangunan Kilang	10 000
Kos berubah seunit	3.50

Kos tetap diandaikan malar. Harga jualan dicadangkan RM6 seunit

Anda dikehendaki menghitung :

- (i) Margin caruman seunit [2 markah]
- (ii) Titik pulang modal syarikat tersebut [2 markah]
- (iii) Jumlah unit keluaran yang perlu dikeluarkan untuk mencapai
keuntungan RM40 000 [2 markah]
- (iv) Titik pulang modal jika kos berubah seunit bertambah sebanyak
50 sen tetapi harga jualan tidak berubah [2 markah]
- (v) Menyatakan fungsi Titik Pulangan Modal. [2 markah]

- 6 (b) Kilang Oren Bhd mengeluarkan Jus oren di Bandar Putra, Kulai dengan harga jualan RM10 sebotol. Kos tetap dan kos berubah bagi seunit jus oren ialah RM8000 dan RM5

- (i) Menyalin dan melengkapkan jadual di bawah ini.

Paras keluaran (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)	Jumlah kos (RM)	Jumlah hasil (RM)
0	8 000			
1 000	8 000			
2 000	8 000			
3 000	8 000			

- (ii) Melakar graf titik pulang modal bagi pengeluaran jus oren

Berdasarkan graf, anda dikehendaki menunjukkan (berlabel)

- Garisan kos tetap, jumlah kos dan jumlah hasil.
- Jumlah Titik pulang modal dalam unit dan RM
- Lorekkan Kawasan untung dan rugi.

[10 markah]

SOALAN TAMAT

HELAIAN HADAPAN KERTAS JAWAPAN

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

ANGKA GILIRAN :

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
JUMLAH			

LAMPIRAN A

LEJAR

LAMPIRAN B

JURNAL

JURNAL

JURNAL

JURNAL

LAMPIRAN C

BUKU TUNAI RUNCIT

BUKU TUNAI
